



Tingkat kadar upah swasta seiring gaji penjawat awam

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	17

Page Location



Tingkat kadar upah swasta seiring gaji penjawat awam

Kuala Lumpur: Kerajaan mengambil pendekatan perlu untuk meningkatkan kadar upah pekerja swasta seiring langkah menaikkan gaji penjawat awam menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, selain kenaikan gaji minimum RM1,700 dikuatkuasakan bermula 1 Februari lalu, dasar gaji progresif juga dilaksanakan bagi menyokong supaya syarikat swasta menaikkan kadar upah pekerja-

nya.

"Kita ambil langkah ini (naikkan gaji pekerja swasta) menerusi gaji minimum, gaji progresif, GLIC (syarikat pelaburan berkaitan kerajaan) menetapkan (naikkan gaji mereka) serta syarikat swasta yang catat keuntungan besar, juga diminta lebih adil kepada pekerja.

"Cuma dia (kerajaan) tiada kekuatan undang-undang memaksa syarikat swasta menekan (mengambil usaha menaikkan gaji pekerja-nya)," katanya menjawab

soalan tambahan **Datuk Awang Hashim (PN-Pendang)** pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Katanta, beliau berjumpa syarikat swasta termasuk dalam sektor perlombongan supaya mengambil pendekatan sedemikian, bagi mengimbangi kesan inflasi ketika ini.

"Saya berjumpa dengan syarikat umpamanya perlombongan yang mencatat keuntungan, harus lebih adil dan jangan catat kerugian tinggi tapi gaji tidak setimpal.

"Inflasi walaupun rendah, kalau gaji tak naik, inflasi itu mengesankan."

Perdana Menteri, Anwar Ibrahim

"Ada kesenjangan di antara kenaikan produktiviti lebih tinggi daripada kenaikan gaji. Inflasi walaupun rendah, kalau gaji tak naik, inflasi itu mengesankan.

"Semua syarikat kerajaan yang mempunyai banyak (pekerja) ratusan ri-

bu seperti Petronas, TNB (Tenaga Nasional Berhad), Telekom (Malaysia), semua syarikat ini menetapkan gaji lebih tinggi dari kadar gaji minimum, mencecah lebih RM2,000," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan **Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang)**, Anwar menjelaskan peningkatan kadar upah itu juga mesti selari peningkatan produktiviti dalam kalangan pekerja swasta.

"Langkah ini (naikkan produktiviti pekerja swasta) memaksa kita juga la-

kukan *upskilling* contohnya macam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sijil Kemahiran III itu, gaji minimum RM3,000 biarpun lulus TVET.

"Apa yang dilakukan Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) adalah untuk memastikan peluang itu lebih dan ini termasuk anak maahad tahfiz yang dibawa ke TVET yang kini gaji minimum RM2,000 dan kalau ditingkat kemahirannya, boleh cecah RM3,000," katanya.